

Kem asah kemahiran kepemimpinan



Aktiviti santai bersama-sama penghuni Pusat Jagaan Pertubuhan Rumah Kebajikan Subadhra.

Sepang: Seramai 40 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai Kem Transformasi Kepemimpinan anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM di Pusat Jagaan Pertubuhan Rumah Kebajikan Subadhra, Sungai Pelek, dekat sini.

Kem tiga hari dua malam itu berobjektif untuk melahirkan barisan pelapis kepimpinan masa hadapan selain mengasah kemahiran dalam pengendalian program secara *ad-hoc* dan memupuk semangat kerjasama dalam menyelesaikan sesuatu tugasan.

Pengarah Program Semai Kasih, Syed Iqbal Said Jamallulail, 21, berkata pelajar perlu mempunyai semangat kesukarelawan yang tinggi bagi membolehkan mereka memahami kehendak dan memahami situasi masyarakat.

"Menerusi program sebegini, pelajar bukan saja dapat mendekati masyarakat, malah turut



berpeluang melakukan sesuatu yang mampu memberi manfaat kepada mereka.

Persiapkan diri

"Pelajar juga perlu diingatkan agar tidak terus berada dalam keadaan selesa, sebaliknya perlu mempersiapkan diri bagi menghadapi cabaran masa depan," katanya pada program itu.

Yang turut hadir ialah Pengasas Rumah Kebajikan Subadhra, K Subadhra

Devi dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, Nasrul Hakim Ahmad.

Sepanjang program itu, peserta didedahkan dengan kemahiran menguruskan organisasi dan perkongsian pintar daripada alumni USIM.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah program Semai Kasih yang memfokuskan kepada aktiviti kebajikan dan sukarelawan bersama-sama masyarakat setempat.



Sebahagian daripada peserta Kem Transformasi Kepemimpinan USIM.